

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP

KAWASAN : SEKIJANG

SOALAN:

YB. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (SEKIJANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan langkah-langkah kawalan dan pemantauan yang diambil pihak Kementerian dalam memastikan kemalangan yang melibatkan pengguna lebuhraya dan haiwan (ternakan dan liar) dapat dielakkan pada masa hadapan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kes-kes kemalangan melibatkan haiwan di lebuh raya yang direkodkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), isu pencerobohan haiwan ternakan dan binatang liar itu berpunca daripada pagar rizab lebuh raya yang telah dimusnahkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab - sehingga membuka ruang haiwan ternakan dan binatang liar menceroboh masuk ke lebuh raya berkenaan.

Sehubungan itu bagi mengatasi masalah tersebut, kementerian ini telah melaksanakan tindakan seperti berikut:

1. Meningkatkan kekerapan rondaan di sepanjang lebuh raya, terutama di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pencerobohan;
2. Membaik pulih pagar-pagar rizab lebuh raya telah dirosakkan itu dengan kadar segera;
3. Memasang gegelung dawai berduri ('barbed wire') di lokasi-lokasi yang sering dicerobohi;
4. Bekerjasama dengan pihak Majlis Daerah, Pengerusi JKKK dan Jabatan Veterinar untuk menangani isu-isu berkaitan pencerobohan haiwan ternakan;
5. Mengedarkan risalah kesedaran dan keselamatan kepada penduduk terutama penternak di lokasi berhampiran lebuh raya; dan

6. Memasang Papan Tanda Amaran dan juga peringatan kepada pemandu menerusi Papan Tanda Elektronik VMS, serta pemasangan CCTV di lokasi tertentu.

Mengenai isu pencerobohan binatang liar seperti harimau, gajah dan tapir, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian ini telah mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk mengenal pasti laluan binatang liar melintas, terutama di Lebuhraya Pantai Timur, Fasa 2 (LPT2). Sehubungan itu tindakan telah dan akan diambil oleh kementerian ini untuk menambah baik struktur bawah jambatan dan Terowong Kenderaan (VBC) sedia ada dengan ciri-ciri mesra hidupan liar.

Sekian, terima kasih.